

SOALAN LAZIM
SURAT EDARAN BILANGAN 10 TAHUN 2011 MENGENAI
ELAUN LATIHAN AMALI PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI AGENSI
KERAJAAN

1. Siapakah yang layak menerima elaun ini?

Pelajar yang layak menerima adalah:

- (i) Warganegara Malaysia
- (ii) Pelajar yang sedang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara
- (iii) Pelajar yang diwajibkan untuk mengikuti latihan amali bagi memenuhi syarat pelajar menamatkan pengajian dengan jayanya.

2. Berapakah jumlah elaun yang diterima dan tempoh elaun layak dibayar?

Jumlah elaun yang diterima adalah sebanyak RM 15 sehari (hari bekerja sahaja) tidak termasuk hari cuti awam/umum/hujung minggu. Pembayaran elaun adalah terhad kepada maksimum 3 bulan sahaja (90 hari bekerja).

3. Siapakah yang bertanggungjawab untuk membayar elaun latihan amali?

Ketua Jabatan Agensi Kerajaan Persekutuan yang berkaitan sahaja layak membayar elaun tersebut kepada pelajar. Walau bagaimanapun, surat edaran ini dipanjangkan juga kepada Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri, Semua Pihak Berkuasa Berkanun dan Semua Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing.

5. Apakah peringkat pengajian yang layak menerima elaun latihan amali tersebut?

Semua peringkat pengajian yang mewajibkan pelajar untuk menjalani latihan amali sebagai syarat pelajar menamatkan pengajian dengan jayanya.

6. Bolehkah diambil kira tempoh latihan amali yang tidak bersambung ?

Boleh, tempoh latihan amali yang tidak bersambung layak diambil kira dengan jumlah tempoh latihan tidak melebihi 3 bulan.

7. Apakah kaedah pembayaran yang boleh digunakan?

Ketua Jabatan boleh membuat pembayaran pada minggu kedua setiap bulan berikutnya atau secara sekali gus (*lump sum*) pada akhir bulan ketiga.

8. Adakah pelajar yang menjalani latihan praktikal selama 1 atau 2 bulan layak menerima elaun?

Ya, pelajar yang mengikuti latihan selama 1 atau 2 bulan layak menerima elaun tersebut dengan kadar maksima 3 bulan sahaja.

9. Bagaimanakah pengiraan 3 bulan tersebut perlu dilaksanakan?

Pembayaran elaun secara bulanan dikira berdasarkan bilangan hari bekerja bermula dari tarikh pelajar menjalani latihan amali dan terhad 3 bulan bilangan hari bekerja

10. Apakah yang dimaksudkan dengan Elaun Latihan Amali yang diterima pelajar tajaan Kerajaan?

Elaun Latihan Amali yang diterima pelajar tajaan adalah elaun yang dibayar oleh agensi penaja kepada semua pelajar tajaan yang menjalani latihan amali di mana-mana agensi Kerajaan, swasta dan lain-lain.

11. Bagaimanakah Jabatan dapat mengesahkan pelajar tajaan kerajaan tidak menerima Elaun Latihan Amali dan elaun ini serentak?

Elaun latihan amali yang diberikan oleh agensi penaja adalah berdasarkan tuntutan, yang mana pelajar perlu mengisi borang permohonan dan Agensi penaja akan menyemak pembayaran tersebut dengan agensi Kerajaan yang pelajar menjalani latihan amali .

12. Skop tajaan Kerajaan yang dimaksudkan adakah merangkumi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan?

Tajaan Kerajaan adalah merangkumi semua agensi Kerajaan Persekutuan. Agensi Kerajaan Persekutuan adalah tertakluk kepada pemakaian agensi berkaitan.

13. Adakah pelajar boleh memohon secara terus tanpa melalui IPT?

Ya, pelajar boleh memohon terus ke Jabatan dengan surat sokongan dari pihak IPT.

14. Bagaimanakah Jabatan boleh memastikan bahawa latihan amali tersebut merupakan salah satu syarat untuk pelajar menamatkan pengajiannya?

Bagi memastikan pengesahan latihan amali sebagai satu syarat pelajar menamatkan pengajian dengan jayanya, pelajar perlu melampirkan surat pengesahan dari pihak universiti.

15. Apakah Kod Perbelanjaan dan Peruntukan yang perlu di caj bagi pembayaran elaun latihan amali ini?

Kod perbelanjaan dan peruntukan yang boleh di caj bagi pembayaran elaun latihan amali ini adalah di bawah OS 29300 (Bayaran Kepada Kakitangan Kerajaan Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap dan Pekerja Sementara dan Sambilan Yang Tidak Menyandang Jawatan-jawatan Tetap)